

## ***Urban Tsunami dalam PRU ke-13: Analisis Pola Pengundian Masyarakat Cina Malaysi***

THOCK Ker Pong dan TAN Yen Yee  
Jabatan Pengajian Tionghoa  
Universiti Malaya

### **Abstrak**

PRU ke-13 yang dinanti-nantikan itu telah berakhir dengan keputusan yang tidak dapat memuaskan BN dan PR. Meskipun kedua-dua pakatan yang bertanding dengan sengit itu tidak mampu mencapai harapan mereka, namun PRU 2013 mencatatkan beberapa perkembangan dan perubahan yang penting dalam mempengaruhi percaturan politik Malaysia. Antaranya pola pengundian orang Cina sekali lagi mengundang pelbagai reaksi daripada pemimpin-pemimpin politik Malaysia. Gelagat pengundi-pengundi Cina yang dikatakan cenderung mengamalkan “pendulum swing” didapati tidak berlaku dalam PRU ke-13. Keputusan menunjukkan gelombang perubahan yang terbentuk dalam masyarakat Cina melalui tsunami politik 2008 terus mengekalkan momentum dalam PRU 2013. Penyelidik ini menggunakan kaedah analisis kandungan untuk meneliti data-data PRU. Hasil kajian ini menunjukkan orang Cina memang mendahagakan perubahan agar sistem politik dan pentadbiran negara menjadi lebih sempurna. Hasrat mereka ialah merealisasikan sistem dua barisan. PR memanfaatkan keadaan ini dengan menyuntik dan menyemarakkan sentimen “ubah” di kalangan pengundi Cina. Analisis ke atas pola pengundian kaum Cina dalam PRU ke-13 memperlihatkan beberapa ciri unik yang menandakan angin perubahan dalam komuniti Cina. Angin perubahan ini mempengaruhi komuniti Cina di seluruh negara. Para pengundi Cina didapati mengundi ikut pakatan politik dan pilihan mereka ialah PR. Penyertaan dan mobilisasi orang Cina dalam PRU 2013 mencatatkan satu kadar yang amat tinggi.

**Kata kunci:** urban tsunami, masyarakat Cina, pilihan raya umum, ubah, pola pengundian Cina

## **Urban Tsunami in GE-13: Analysis on the Voting Patterns of Malaysian Chinese Voters**

THOCK Ker Pong and TAN Yen Yee  
Department of Chinese Studies  
University of Malaya

### **Abstract**

GE-13 is a much anticipated general election but its result brought disappointment to both BN and PR. Although both coalitions are in intense contestation and they failed to achieve the desired result, but the election in 2013 recorded a number of important developments and ramifications that affect the politics in Malaysia. Among the salient development is the voting patterns of the Chinese once again drew various reactions from the political leaders of Malaysia. The voting behaviour of the Chinese voters who normally adopt a “pendulum swing” in their voting pattern did not occur in the 13th general election. The election result showed that the wave of change in Chinese society which precipitated in the 2008 political tsunami continues to maintain its momentum in GE-13. This researcher employs content analysis method to analyze and compare the data of election. The findings of this research paper show the Chinese voters are willing in changing the country’s political and administrative system in order to make it more perfect. Their intention is to consolidate the two coalition system. PR benefited from this situation by injecting and igniting the sentiment of “change” among the Chinese community. An analysis of the voting patterns of the Chinese in the 13th general election shows some unique characteristics that indicate a tectonic change in the Chinese community. The winds of change are affecting the Chinese community across the country. The Chinese appears to vote for party and their choice is PR. Participation and mobilization of the Chinese in the election in 2013 recorded an unusually high degree.

**Keywords:** urban tsunami, Chinese community, general election, change, Chinese voting patterns

## 1 Pengenalan

KEHANGATAN pilihan raya umum (PRU) ke-13 berakhir dalam antiklimaks. Jangkaan dan hardpan kedua-dua buah pakatan yang bertanding tidak kesampaian apabila keputusan PRU diumumkan pada awal pagi 6 Mei 2013. Para pemimpin Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Rakyat (PR) ternyata dirundung kekecewaan. Malah penyokong-penyokong kedua-dua pihak turut ditimpa kehampaan. KPI (Key Performance Index) yang ditetapkan oleh pentadbiran Najib untuk merampas balik majoriti dua pertiga dalam parlimen dan kuasa pentadbiran negeri Selangor tidak tercapai. Begitu juga dengan janji pucuk pimpinan PR untuk menawan Putrajaya. Oleh itu keputusan PRU ke-13 mencatatkan satu realiti politik yang memperlihatkan BN “kalah dalam kemenangan” manakala PR pula “menang dalam kekalahan”.

PRU ke-13 merupakan pertarungan yang paling sengit antara parti pemerintah dan parti pembangkang yang pernah berlangsung setakat kini dalam arena politik Malaysia. Kehangatan PRU ini disemarakkan lagi dengan penyertaan rakyat pelbagai kaum dalam aktiviti berkempen ataupun mengikuti perkembangan politik semasa. Minat dan keprihatinan yang dicurahkan oleh rakyat juga mencapai satu kadar yang amat tinggi. Kecenderungan yang demikian telah diterjemahkan dalam kadar mengundi yang memecahkan rekod-rekod terdahulu dengan catatan 85%. Deman PRU yang dihangatkan oleh kewujudan dua buah pakatan/barisan yang memiliki pengaruh dan sokongan yang hampir sama berjaya menarik perhatian negara-negara lain di dunia. Malaysia telah dibanjiri oleh wartawan, pemerhati, dan pengkaji politik sepanjang kempen PRU ke-13 berlangsung.

Keputusan PRU 2013 mencatatkan beberapa perkembangan dan perubahan yang penting dalam mempengaruhi hala tuju politik Malaysia. Analisis terhadap keputusan ini menunjukkan perkembangan ini sebenarnya merupakan kesinambungan dari tsunami politik yang berlaku dalam tahun 2008 (Case, 2013a). Secara spesifiknya *urban swing* yang mula membentuk dalam tsunami politik 2008 (Fernando, 2011), sekali lagi mengekalkan momentumnya dalam PRU ke-13. Malah kesannya didapati telah menular ke lebih banyak negeri. Keputusan PRU 2013 menunjukkan terdapat satu jurang yang ketara antara pengundi-pengundi bandar dan luar bandar. Para pengundi bandar yang banyak terdedah kepada kemudahan internet dan sebahagiannya terdiri daripada golongan kelas menengah didapati lebih memihak kepada pakatan pembangkang. Oleh yang demikian landaan tsunami politik 2.0 ini lebih tepat diistilahkan sebagai *urban tsunami*.

Selain itu, pola pengundian orang Cina yang menolak calon parti-parti Cina komponen BN secara tuntas sekali lagi mengundang pelbagai reaksi daripada pemimpin-pemimpin politik Malaysia. Gelagat pengundi-pengundi Cina yang dikatakan cenderung mengamalkan “pendulum swing” didapati tidak berlaku dalam PRU ke-13. Keputusan menunjukkan gelombang perubahan yang terbentuk dalam masyarakat Cina melalui tsunami politik 2008 terus melanda kawasan-kawasan yang didiami penduduk Cina di seluruh Malaysia. Malah gelombang tsunami PRU 2013 dalam masyarakat Cina didapati lebih membinasa. Hal yang demikian telah menyebabkan prestasi parti MCA, Gerakan, dan SUPP (Sarawak United Peoples Party) jatuh merudum dan mengakibatkan parti-parti

ini menjadi semakin tidak relevan dalam persada politik Malaysia.

## 2 Sentimen Pengundi Cina Menjelang PRU Ke-13

Banci penduduk negara tahun 2010 menunjukkan kaum Cina sudah merupakan komuniti minoriti di Malaysia dengan peratusan penduduknya berjumlah 24.6%, namun mereka dikatakan mampu memainkan penentu yang signifikan dalam PRU (Thock, 2010a, p. 54-55). Dalam pertarungan PRU ke-13 yang sengit, pucuk pimpinan UMNO berharap masih mampu memperoleh undi sokongan Cina yang minimal. Hal yang demikian boleh memberi kemenangan kepada sejumlah calon UMNO. Keadaan ini ditokok dengan kemenangan calon BN dalam beberapa pilihan raya kecil (PRK) selepas PRK di Dewan Undang Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan pada 11 Oktober 2009 yang dikatakan berpunca daripada pengembalian undi sokongan kaum Cina. Walau bagaimanapun fenomena peralihan undi Cina adalah tidak begitu menyakinkan.

Pola pengundian kaum Cina dalam PRU yang terkenal dengan fenomena *pendulum swing* adalah tidak mudah diramal. Umpamanya dengan imbuhan dan “gula-gula politik” yang disumbangkan oleh kerajaan BN di PRK Bukit Gantang, Hulu Selangor, dan Sibu dengan banyak<sup>1</sup> tetapi kehilangan undi sokongan orang Cina adalah begitu ketara. Kecenderungan ini telah mendorong Zaini Hassan menulis rencana “Orang Cina Malaysia, apa lagi yang anda mahu!” (“Orang Cina Malaysia”, 2010). Secara khususnya pola pengundian mereka adalah dipengaruhi oleh isu-isu menimpa masyarakat Cina yang kemudiannya menentukan sentimen keseluruhan dalam komuniti.

Dalam hal ini pendapat beberapa orang pemimpin kanan MCA yang merumuskan bahawa undi sokongan orang Cina mula kembali ke pangkuhan BN selepas PRK di Bagan Pinang adalah terlalu simplistik dan mungkin mengelirukan. Umpamanya Dr. Chua Soi Lek, presiden MCA pada waktu itu telah mengadakan sidang akhbar khas untuk menyatakan peralihan undi sokongan orang Cina berjaya membantu BN memperoleh kemenangan di PRK Tenang yang diadakan pada 30 Januari 2011. Beberapa orang sarjana politik seperti Ong Kian Ming (2011) menyangkal pendapat Soi Lek tersebut dan menyatakan bahawa BN hanya memperoleh 32 % dari undi sokongan orang Cina, bukannya 45% yang diumumkan oleh Soi Lek dalam PRU Tenang (Thock & Tan, 2012, p. 122). Kalau kita sempat turun ke padang dan meninjau sentimen politik yang bergejolak dalam komuniti Cina maka hasil penemuan kita berkemungkinan besar berbeza dengan pucuk pimpinan MCA. Kecenderungan ini demikian lantaran berbagai-bagai isu masih melanda masyarakat Cina dan menunggu penyelesaian yang berkesan dari kerajaan BN. Pucuk pimpinan baru MCA dan parti Gerakan yang masing-masing diterajui oleh Dr. Chua Soi Lek dan Koh Tsu

---

<sup>1</sup> Kecenderungan ini dapat dilihat dalam kempen BN di PRK Sibu yang memperlihatkan Perdana Menteri Najib telah memberi peruntukan yang berjumlah RM15 juta kepada SJK (C) dan sekolah-sekolah menengah persendirian Cina di kawasan Sibu dan Kapit (“BN memberi dana”, 2010).

Koon masih gagal menangani masalah ketidakpuasan masyarakat Cina.

Setakat kini pendapat tokoh politik veteran, Daim Zainuddin didapati tepat menggambarkan sentimen politik yang membara dalam komuniti Cina. Dalam interviu eksklusifnya dengan akhbar *China Press* pada 3 Mac 2012, beliau mengatakan bahawa undi-undi orang Cina secara keseluruhannya terus menyokong pihak pembangkang. Pendapat Daim ini perlu diberi perhatian kerana beliau pernah memberi amaran landaan tsunami politik sebelum PRU ke-12.<sup>2</sup> Dengan hal yang demikian pucuk pimpinan BN, terutamanya pemimpin-pemimpin UMNO mungkin perlu memahami permasalahan-permasalahan yang didepani komuniti Cina. Hal ini demikian kerana kebanyakannya kaum Cina ini memerlukan penyelesaian secara terus dari pucuk pimpinan tertinggi UMNO atau membabitkan pembaharuan parti UMNO itu sendiri (Thock, 2012b). Parti MCA dan Gerakan ternyata menghadapi kesukaran dalam menyelesaikan permasalahan orang Cina.

Sejak landaan tsunami politik 2008, pucuk pimpinan UMNO telah melakukan berbagai-bagai renungan dan muhasabah, hasil yang disepakati ialah UMNO dituntut untuk melaksanakan pembaharuan. Keiltizaman parti itu untuk berusaha ke arah itu dapat dilihat menerusi kata-kata Dato' Seri Najib yang berbunyi “berubah atau kita diubah”. Demi memastikan UMNO terus kekal relevan dalam persada politik Malaysia, pucuk pimpinan parti itu telah berjaya memaksa pengunduran Abdullah Ahmad Badawi atau Pak Lah sebagai presiden UMNO dan juga Perdana Menteri Malaysia kelima. Dalam hal ini pengunduran itu dilihat sebagai sesuatu yang begitu mendesak memandangkan perubahan yang lebih drastik dan agresif diperlukan bagi mendepani cabaran dan gugatan yang semakin hebat dari Pakatan Rakyat (PR). Sebaik sahaja meneraju pimpinan negara mulai 2 April 2009, Dato' Seri Najib melaksanakan satu siri pembaharuan dan transformasi dalam pentadbiran dan penetapan polisi negara. Antaranya termasuklah gagasan 1 Malaysia, Prestasi Petunjuk Utama, Model Ekonomi Baharu (MEB) dan Rancangan Transformasi Kerajaan dan Ekonomi serta beberapa pembaharuan lagi (Chin, 2010).

Selain pengenalan satu siri perubahan dan transformasi di peringkat makro, Dato' Seri Najib juga mengambil langkah-langkah proaktif untuk mendampingi komuniti Cina. Persatuan-persatuan Cina atau Huatuan utama seperti Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia yang lebih dikenali sebagai Huazong dan ACCCIM (*Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia*) mendapat perhatian khusus beliau. Misalnya beliau telah mengunjungi pejabat Huazong di Kuala Lumpur dan menyaksikan upacara angkat sumpah barisan pimpinan baharu tahun 2010 pertubuhan tersebut. Pada 18 Disember 2011 Perdana Menteri telah menyempurnakan upacara pecah tanah bagi pembinaan bangunan

<sup>2</sup> Dalam interviu dengan akhbar tempatan sebelum PRU ke-12, Daim Zainuddin menyatakan bahawa BN bakal menghadapi “bahaya” di empat buah negeri, iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, dan Selangor. Ramalan beliau ternyata tepat apabila kesemua empat buah negeri itu jatuh ke tangan PR dalam tsunami politik 8 Mac 2008.

baharu Huazong di Seri Kembangan, Selangor. Di majlis itu beliau turut mengumumkan pemberian peruntukan kerajaan sebanyak 5 juta untuk projek pembinaan tersebut. Manakala untuk mendekati dan memahami permasalahan komuniti Cina, beliau sendiri telah turun padang ke kampung-kampung baru Cina di Jenjarum, Bidor, dan beberapa tempat lagi.

Usaha-usaha pentadbiran Najib mula mengubah imej BN, namun apakah pembaharuan dan reformasi ini benar-benar mendatangkan manfaat kepada rakyat jelata? Tampaknya rakyat biasa belum lagi menikmati faedah-faedah yang dimaksudkan itu. Dalam hal ini masyarakat Cina yang rata-ratanya bersifat pragmatik dan realistik tidak memperoleh manfaat secara langsung dari pelbagai program transformasi kerajaan. Mereka hanya dapat merasai kemesraan dan keramahan Najib sebagai pemimpin tertinggi negara lantaran beliau berjaya menonjolkan imej demikian dengan membuat beberapa lawatan ke Jalan Sultan, yang lebih dikenali sebagai *China Town* di Kuala Lumpur dan mendampingi komuniti Cina di kampung-kampung baru Cina semenjak memegang tumpuk pentadbiran negara.

Pada tanggapan masyarakat Cina, berbagai-bagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan hanya merupakan kegigihan Najib seorang sahaja. Apa yang lebih penting ialah seluruh jentera parti UMNO dan pemikiran para pemimpin lainnya masih lagi di takuk lama. Inisiatif yang agresif presiden UMNO itu dilihat tidak mampu membawa perubahan radikal dalam hala tuju perkembangan parti itu. Masyarakat Cina ingin melihat perjuangan UMNO tidak lagi berlandaskan politik komunal atau perkauman sejarah dengan kemunculan politik multietnik selepas landaan tsunami politik 2008 (Thock, 2010b, p. 32-33). Namun hasrat komuniti Cina ini tidak kesampaian. Ramai pemimpin UMNO tampaknya masih tidak menghiraukan sensitiviti kaum Cina dan India semasa memberi ucapan. Contohnya, Ahmad Ismail yang merupakan ketua UMNO bahagian Bukit Bendera di Pulau Pinang telah mengatakan bahawa orang Cina hanya merupakan penumpang di negara ini semasa berkempen di PRK Permatang Pauh pada 23 Ogos 2008.<sup>3</sup>

Manakala pegawai khas Perdana Menteri, iaitu Nasir Safar pula mendakwa imigran wanita Cina sebagai pelacur dan imigran India pula bekerja sebagai pengemis dalam satu seminar untuk menghayati gagasan 1 Malaysia yang berlangsung di Melaka. Selanjutnya Ahli Dewan Undangan Negeri Azhar Ibrahim dari Pulau Pinang memberi amaran bahawa Peristiwa 13 Mei bakal berlaku semasa beliau memberi ucapan di Dewan Undangan Negeri. Kejadian-kejadian ini ternyata bercanggah dengan semangat gagasan 1 Malaysia yang cuba disemai oleh Najib dan menimbulkan sentimen negatif di kalangan kaum Cina dan India.

---

<sup>3</sup> Kata-kata Ahmad Ismail itu didapati menyenggung perasaan komuniti Cina dan natijahnya pelbagai pihak dalam masyarakat Cina telah mengecam pemimpin itu serta mendesak agar ia memohon maaf. Namun Ahmad Ismail enggan berbuat demikian, akhirnya Timbalan Perdana Menteri waktu itu, Dato' Seri Najib dilaporkan memohon maaf bagi pihak UMNO (“Saya tidak akan”, 2008).

Dalam pada itu dari kaca mata masyarakat Cina, sentimen-sentimen perkauman semakin meningkat dalam era pascatsunami politik 2008. Kemunculan mendadak sejumlah NGO Melayu berhaluan konservatif yang begitu lantang memperjuangkan hak dan kepentingan Melayu amat membimbangkan mereka. Kelantangan perjuangan PERKASA, ISMA (Ikatan Muslimin Malaysia), JMM (Jaringan Melayu Malaysia), GERTAK (Gerakan Kebangkitan Rakyat), GMP (Gagasan Melayu Perak), dan beberapa pertubuhan Melayu yang lain telah meninggalkan dampak yang negatif ke atas orang Cina. Misalnya GERTAK ingin menganjurkan perhimpunan yang bertemakan “Melayu Bangkit” pada 13 Mei 2010. Perkara yang lebih buruk lagi ialah kebanyakan NGO-NGO ini berkaitan dengan UMNO dan mendapat tajaannya (Lemiere, 2014 & Loone, 2013).

Di samping itu, akhbar-akhbar media perdana seperti *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* dikatakan cenderung melaporkan berita dan isu yang bersifat komunal dan menyentuh sensitiviti kaum. Meskipun paparan-paparan ini ternyata tidak senada dengan semangat gagasan 1 Malaysia tetapi dalam hal ini, Najib kelihatan tidak tegas dalam mengawal penonjolan isu-isu yang bersifat komunal. Malah beliau hanya mampu menasihati *Utusan Malaysia* agar mengurangkan laporan-laporan jenis ini (“Kawal isu-isu perkauman”, 2010). Masyarakat Cina menganggap komitmen Najib dalam menangani isu ini adalah tidak mencukupi. Pendirian Najib yang demikian sebenarnya bertitik tolak dari pertimbangan pucuk pimpinan UMNO untuk meraih lebih banyak undi orang Melayu dalam PRU ke-13. Dalam hal ini mobilisasi ke arah landasan komunal merupakan satu jalan keluar bagi UMNO untuk mengembalikan kerelevan politiknya di kalangan orang Melayu.

Dalam pada itu, pentadbiran Najib didapati akur kepada tuntutan-tuntutan NGO-NGO Melayu, terutamanya PERKASA dan ISMA. Hasrat Najib dalam menjana satu struktur ekonomi negara yang berdaya saing di peringkat global dan membentuk masyarakat Malaysia yang lebih adil ternyata terbantut natijah daripada bantahan pertubuhan-pertubuhan ini. Contohnya, Model Ekonomi Baharu yang membuat ketetapan menggugurkan peruntukan 30% kuota ekuiti bumiputera demi mewujudkan persekitaran ekonomi negara yang mesra pasaran telah ditarik balik apabila kerajaan mengumumkan MEB fasa kedua. Selanjutnya cadangan Majlis Tindakan Ekonomi Negara untuk menubuhkan Suruhanjaya Kesamaan Peluang atau *Equal Opportunities Commission* melalui MEB juga digugurkan pada akhirnya. Manakala Majlis Tertinggi Agenda Bumiputera, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), dan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera ditubuhkan selepas pengumuman MEB fasa kedua. Tindakan-tindakan ini memperlihatkan Najib menyokong sepenuhnya dasar afirmatif untuk membela hak dan kepentingan kaum Melayu. Dengan hal yang demikian maka rakyat bukan Melayu menganggap bahawa pentadbiran Najib masih mengikut jejak lama UMNO.

Perkembangan-perkembangan ini jelas menunjukkan hasrat murni Najib untuk melakukan transformasi terhadap struktur ekonomi Malaysia tidak kesampaian. Hal yang demikian meninggalkan kesan yang mendalam terhadap imej UMNO di kalangan orang Cina. Umpamanya dalam satu kajian yang dilakukan oleh *Merdeka Centre* sempena ulang

tahun Najib memegang tumpuk pentadbiran negara, didapati sokongan orang Cina kepada UMNO hanya sekadar 6% tetapi sanjungan mereka terhadap Najib pula mencecah 46% (“Parti UMNO”, 2010).

### 3 Kempen-kempen PRU Dalam Masyarakat Cina

Persaingan yang sengit antara BN dan PR sebelum PRU ke-13 telah mendorong pentadbiran Najib memberi penekanan kepada undi setiap kaum. Meskipun terdapat kajian dan laporan dalam tahun 2011 dan 2012 yang menyatakan undi kaum Cina adalah menyebelahi pihak pembangkang, namun Najib Tun Razak kelihatan tidak berputus asa untuk memenangi hati para pengundi Cina. Hakikat ini dapat dilihat apabila Perdana Menteri keenam ini sanggup menghadiri majlis rumah terbuka sempena Tahun Baru Cina yang dianjurkan oleh Dongzong di Kajang, Selangor pada 17 Februari 2013. Dongzong pertubuhan Cina yang memperjuangkan kelangsungan pendidikan Cina pernah dilabel sebagai pertubuhan ekstremis oleh pucuk pimpinan UMNO (Das & Suaram, 1989).<sup>4</sup> Demi memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa kerajaan turut membela pendidikan Cina, Najib sanggup membuat lawatan bersejarah itu.

Parlimen Malaysia dibubarkan oleh pentadbiran Najib pada 3 April 2013, iaitu genap empat tahun beliau menerajui kerajaan Malaysia. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah menetapkan 20 April sebagai tarikh penamaan calon dan tempoh berkempen ialah 15 hari. Jentera kempen PRU BN dengan bantuan MCA dan Gerakan telah menganjurkan dua konsert antarabangsa pada hari penamaan calon. Penyanyi-penyanyi tersohor dari Hong Kong, Taiwan, dan Amerika Syarikat telah diundang khas untuk menjayakannya. Kemasukan ke konsert-konsert ini adalah percuma malah para pengunjung juga berpeluang menikmati jamuan. Sasaran kedua-dua konsert ini ialah pengundi-pengundi Cina dan kedatangan mereka yang ramai boleh memberi momentum kepada permulaan kempen BN. Penganjuran ini bertujuan menawan hati kaum Cina untuk menyokong calon-calon BN.

Konsert yang berlangsung di Klang, Selangor telah dianjurkan oleh persatuan-persatuan Cina tempatan dan MCA Selangor. Konsert ini dihadiri Najib dan barisan pemimpin tertinggi BN. Pelakon antarabangsa yang terkenal dari Malaysia, iaitu Michelle Yeoh turut hadir untuk memberi sokongan kepada BN. Para pengunjung yang kebanyakannya orang Cina berjumlah sebanyak 60,000 telah menyertainya. Pucuk pimpinan tertinggi BN sangat berpuas hati dengan kebanjiran orang ramai. Malah Perdana Menteri sendiri telah memuji sokongan orang Cina setelah menghadiri konsert itu dan beliau berjanji akan terus memperuntukkan 0.1 bilion ringgit setiap tahun kepada sekolah-sekolah rendah Cina

<sup>4</sup> Umpamanya mantan Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad pernah mengecam Dongzong yang merupakan pengajur bersama Suqiu menjelang PRU tahun 1999 sebagai sebuah pertubuhan ekstremis dalam perutusan Hari Kemerdekaan tahun 2000.

sebagai perbelanjaan penyelenggaraan (“Perdana Menteri memuji”, 2013).<sup>5</sup> Manakala konsert yang dianjurkan oleh pertubuhan Kelab 1 Malaysia di Pulau Pinang pula menerima kunjungan orang Cina yang lebih menggalakkan, iaitu di sekitar 70,000 orang.

Selain penganjuran konsert dan jamuan, jentera PRU BN banyak bergantung kepada ketokohan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk menarik kehadiran pengundi Cina ke ceramah politiknya. Di Pulau Pinang, Kelab 1 Malaysia didapati banyak menaburkan wang untuk menggerakkan kempen bagi membantu BN. Pertubuhan ini banyak membelanjakan wang ringgit untuk menggantungkan bendera 1 Malaysia yang begitu banyak di Georgetown. Kebanjiran bendera-bendera ini telah menyebabkan pengerusi BN negeri Pulau Pinang, Teng Chang Yeow mengeluarkan arahan agar penggantungan bendera ini diberhentikan. Kelab ini juga memberi makan minum yang percuma kepada para pengundi dengan menyewa keseluruhan gerai di sesuatu pusat penjaja. Malah seorang usahawan Cina yang merupakan penyokong Kelab 1 Malaysia telah memberi angpow RM100 untuk para pengundi di Pulau Pinang dan RM500 kepada pengundi-pengundi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Air Putih, iaitu kerusi yang ditandingi Lim Guan Eng. Sogokan wang dan pemberian makan minum percuma ini mendapat kritikan Teng Chang Yeow dan beliau sendiri mendakwa sebelum hari pembuangan undi bahawa BN Pulau Pinang akan kalah natijah daripada perbuatan itu dan beliau bakal menerima padahnya (“Teng Chang Yeow”, 2013).

Analisis terhadap kandungan kempen-kempen MCA mendapati parti itu masih bergantung kepada retorik lama untuk meraih sokongan orang Cina. *Politic of Fear* diterapkan oleh pucuk pimpinan parti agar kaum Cina tidak mengundi PR. Mereka mengatakan bahawa mengundi DAP bererti memberi undi kepada PAS yang bakal menyumbang kepada pembentukan negara Islam di Malaysia. Selanjutnya mengundi pihak pembangkang bakal membawa kekacauan kepada Malaysia. Malah mereka menakutkan pengundi Cina bahawa sokongan kepada PR akan menyebabkan kelahiran sistem dua kaum di Malaysia, yakni kaum Melayu berada dalam kerajaan manakala kaum Cina pula berada di pihak pembangkang.<sup>6</sup>

Di pihak PR pula, kempen-kempen PRU yang dilancarkan selepas hari penamaan calon mendapat sambutan yang hangat daripada para pengundi bandar (Chin, 2013). Di bandar-bandar besar seperti Georgetown, Ipoh, Melaka, Johor Bahru, dan Kuching

<sup>5</sup> Kerajaan BN memperuntukkan perbelanjaan penyelenggaraan kepada sekolah-sekolah rendah Cina sebanyak 0.1 bilion mulai belanjawan tahun 2012 setelah MCA membuat permintaan beberapa kali. Sebelum ini kerajaan hanya menanggung perbelanjaan pentadbiran dan tidak memberi sebarang perbelanjaan penyelenggaraan kepada sekolah tersebut.

<sup>6</sup> Idea sistem dua kaum telah dicanang oleh Dr. Chua Soi Lek, presiden MCA. Beliau menguaruarkan idea ini agar masyarakat Cina yang didapati lebih menyebelahi pihak pembangkang dalam era pascatsunami politik 2008 berasa gentar apabila kerajaan tidak lagi diwakili oleh MCA dan Gerakan. Idea ini juga diajukan untuk menangkis gagasan Sistem Dua Barisan yang semakin memperoleh sokongan masyarakat Cina.

kebanjiran orang ramai ke ceramah politik PR adalah begitu ketara. Berbanding dengan BN, ceramah dan perhimpunan PR tidak dianjur bersama dengan konsert dan makan minum. Para pengunjung datang semata-mata untuk mendengar ceramah politik yang diberi oleh tokoh-tokoh pemimpin PR. Pihak penganjur ceramah politik didapati mengutip derma ikhlas daripada orang ramai yang hadir. Sambutan pengunjung-pengunjung kepada derma ikhlas ini adalah menggalakkan malah di beberapa tempat mereka berebut-rebut untuk membuat dermaan.

Dari segi kehadiran orang ramai ke kempen-kempen PRU BN dan PR, tinjauan mendapati pengunjung lebih suka menyertai ceramah PR. BN terpaksa bergantung kepada penganjuran konsert, jamuan, dan ketokohan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk merangsang kedatangan komuniti Cina ke kempennya. Manakala PR pula mengoptimumkan populariti pemimpin-pemimpin pentingnya. Selain tokoh-tokoh utama PR seperti Anwar Ibrahim, Lim Kit Siang, Lim Guan Eng, Hadi Awang, Mat Sabu, dan Azmin Ali, pakatan pembangkang juga dapat menampilkan satu barisan pemimpin muda yang berbakat dalam menyemarakkan sentimen para audiensnya. Nama-nama seperti Anthony Loke, Nurul Izah, Teresa Kok, Syamsul Iskandar, Liew Chin Tong, Tony Pua, Nga Kor Ming, dan Teo Nie Ching turut mendapat sambutan hangat daripada orang ramai. Pemimpin-pemimpin muda berketurunan Cina ini kebanyakannya merupakan bekas aktivis mahasiswa Cina yang telah memenangi kerusi DUN atau Parliment dalam tsunami politik 2008 (Thock, 2012a). Kumpulan pemimpin ini mempunyai pengaruh yang kuat terhadap pemuda-pemudi Cina. Tambahan pula, DAP mendapat bantuan seorang ahlinya yang merupakan seorang penceramah politik terkenal, iaitu Hew Kuan Yau<sup>7</sup> untuk memikat kehadiran orang ramai ke perhimpunan politiknya.

Kebanjiran orang ramai ke kempen-kempen PR berbanding dengan BN menunjukkan PR lebih berjaya dalam memikat penduduk-penduduk di bandar dan kawasan separuh bandar. Ramai pengundi Cina menganggap PR sebagai harapan baru masyarakat Cina untuk mengubah landskap politik negara (Mazlan & Zulkarnain, 2013, p. 55-56). Dalam hal ini dapat dirumuskan bahawa strategi berkempen PR adalah lebih berkesan dan berjaya. Analisis terhadap kandungan kempen-kempen PR yang banyak berfokus kepada isu rasuah, kronisme, penyalahgunaan kuasa, kenaikan harga barang, dan peningkatan jenayah mendapati respons para pengundi adalah sangat menggalakkan. Manakala jentera kempen BN hanya lebih berjaya di kawasan kampung dan desa. Meskipun kehadiran penduduk luar bandar ke ceramah BN tidak mampu menandingi PR, namun mereka merupakan penyokong setia BN.

---

<sup>7</sup> Hew Kuan Yau merupakan mantan pengarah kempen PRU DAP. Beliau berkelulusan Ph.D dari Chinese University of Hong Kong dan pernah bertanding sebagai calon DAP di kawasan DUN Bukit Gasing dalam PRU tahun 1999. Beliau pandai menyelitkan kata-kata kasar dalam ceramahnya untuk menarik perhatian dan merangsang sentimen para pendengarnya. Pucuk pimpinan MCA telah melancarkan kempen menyeru masyarakat Cina untuk menolak dan memboikot ceramah ala kasar yang dimulakan oleh Hew. Namun usaha itu telah menemui kegagalan.

## PRESTASI PARTI-PARTI POLITIK CINA

Keputusan PRU ke-13 menunjukkan BN berjaya mempertahankan pentadbiran Putrajaya dengan memenangi 133 kerusi parlimen, namun ia gagal dalam misinya untuk mengembalikan majoriti dua pertiga di parlimen. BN mencatatkan prestasi lebih buruk berbanding dengan pencapaiannya dalam PRU ke-12 yang menyaksikan parti pemerintah itu memenangi 140 kerusi parlimen dalam PRU tahun 2008. Malah, BN hanya berupaya memperoleh 47.38% undi popular berbanding dengan prestasi PR yang memenangi 50.87% undi popular (Lee & Thock, 2014, p. 26). Kejayaan BN dalam menawan semula kuasa pentadbiran negeri Kedah dan mengekalkan kuasa pentadbiran negeri Perak telah menyuntik sentimen kelegaan kepada pucuk pimpinan BN. Selanjutnya peningkatan prestasi UMNO yang berjaya menguasai 88 kerusi parlimen dan 241 kerusi DUN dalam PRU tahun 2013 berbanding dengan kemenangannya di 79 kerusi parlimen dan 239 kerusi DUN dalam PRU ke-12 turut menyuntik semangat para pemimpin UMNO.

Walau bagaimanapun prestasi buruk parti-parti komponen BN yang lain, terutamanya parti-parti politik Cina telah mencatatkan kemenangan yang dicapai oleh UMNO. Gelombang tsunami sekali lagi menimpa parti-parti politik Cina ini dan prestasi calon-calonnya mencatatkan kekalahan yang mengaibkan. Parti MCA yang masih dapat bertahan dalam tsunami politik 2008 telah hampir tercabut akar partinya dengan hanya memenangi 7 kerusi parlimen dan 11 kerusi DUN dalam PRU 2013. Parti Gerakan pula menjadi sebuah parti yang semakin tidak relevan di persada politik Malaysia dengan hanya mencatat kemenangan di 1 kerusi parlimen dan 3 kerusi DUN (2 DUN dari negeri Sabah). Manakala DAP merupakan parti pembangkang yang memperoleh manfaat terbesar natijah dari gelombang perubahan yang membadi dalam masyarakat Cina. Dengan memenangi 38 kerusi parlimen dan 95 DUN di seluruh Malaysia, DAP muncul sebagai parti terbesar dalam PR. Jadual berikut memperincikan prestasi ketiga-tiga buah parti politik Cina dalam PRU ke-13:

Jadual 1. Perbandingan Prestasi Parti-Parti Politik Cina di Semenanjung Malaysia (Parlimen & DUN) dalam Pilihan Raya Umum 2008 & 2013

Nama Parti	PRU 2008		PRU 2013	
	Parlimen	DUN	Parlimen	DUN
MCA	15 (40)	30 (89)	7 (37)	11 (88)
GERAKAN	2 (12)	4 (31)	1 (11)	1 (29)
DAP	26 (35)	72 (92)	31 (36)	91 (95)

Sumber: “GE 13 Results” (2013) & Tew (2011)

Nota ( ) = Masuk Bertanding

Di bawah strategi pentadbiran Najib yang mengutamakan *winnable candidate*, MCA hanya bertanding di 37 kawasan parlimen berbanding dengan 40 kerusi parlimen dalam PRU ke-12. Tiga kawasan parlimennya telah diberi kepada UMNO kerana calonnya dikatakan berpeluang tinggi untuk muncul sebagai pemenang.<sup>8</sup> Namun ketiga-tiga calon UMNO ini telah tewas, begitu juga pemilihan Yap Pian Hon, seorang pemimpin veteran MCA yang berumur 70 tahun sebagai *winnable candidate* di kawasan parlimen Serdang turut kecundang di tangan calon muda DAP, iaitu Ong Kian Ming.

Tinjauan terhadap strategi penamaan calon yang diterajui Dr. Chua Soi Lek mendapati presiden itu lebih mengutamakan puak politiknya. Umpamanya Ong Tee Keat yang memiliki populariti yang sangat tinggi dalam masyarakat Cina telah digugurkan sebagai calon BN di kawasan parlimen Pandan. Seterusnya mantan penyokong Ong Tee Keat iaitu Gan Ping Sieu, naib presiden MCA dan seorang timbalan menteri turut ditimpa nasib yang sama meskipun terdapat beberapa kekosongan di negeri Johor selepas persaraan ahli parlimen Ong Ka Ting (Kulai), Teng Boon Seng (Tebrau), dan Tan Ah Eng (Gelang Patah). Presiden MCA dikatakan meletakkan pengikut setianya, Khoo Soo Seang untuk bertanding di kawasan parlimen Tebrau, Johor. Begitu juga dengan pemilihan Tan Chin Meng dan Koh Nai Kwong yang masing-masing bertanding di kawasan parlimen Gopeng, di Perak dan Masjid Tanah, di Melaka.

Kelemahan dalam pemilihan calon dan strategi berkempen serta angin perubahan dalam masyarakat Cina telah menyumbang kepada prestasi PRU yang terburuk dalam sejarah MCA. Dua orang menteri iaitu Kong Cho Ha dan Chor Chee Heung telah menjadi mangsa tsunami politik 2.0. Selanjutnya dua orang timbalan menteri, Hou Kok Chung dan Lee Chee Leong juga gagal mempertahankan kerusi parlimen mereka. Perkara yang lebih buruk lagi ialah parti itu mencatatkan kekalahan mengaibkan di Pulau Pinang apabila calonnya di DUN Berapit dan Pengkalan Kota hilang wang deposit mereka. Meskipun MCA dapat mempertahankan 7 kerusi parlimen, namun dua kerusi hanya dimenangi dengan undi tipis yang berjumlah 353 undi (Labis) dan 379 undi (Bentong). Dalam pada itu, dari 7 kerusi parlimen ini empat merupakan kawasan parlimen majoriti Melayu. Hakikat ini menunjukkan dalam gelombang tsunami politik 2.0, calon-calon MCA terpaksa bergantung kepada undi Melayu untuk survival. Jadual di bawah menjelaskan keperitan yang ditempuhi calon-calon MCA:

---

<sup>8</sup> Tiga kawasan parlimen ini ialah Wangsa Maju, Gelang Patah, dan Kuantan. Kawasan parlimen ini masing-masing ditandingi oleh Mohd. Shafei Abdullah, Abdul Ghani Othman, dan Mohamed Suffian Awang. Ketiga-tiga calon UMNO ini telah kecundang.

Jadual 2. Keputusan Kerusi Parlimen yang dimenangi MCA dalam Pilihan Raya Umum 2013 di semenanjung Malaysi

No	Kod	Negeri	Kawasan	Komposisi Pengundi					Nama Calon	Majoriti
				Melayu	Cina	India	Lain-lain			
1	P077	Perak	Tanjong Malim	53.49	27.25	14.02	5.24	Ong Ka Chuan	4,328	
2	P135	Melaka	Alor Gajah	58.49	27.80	12.87	0.85	Koh Nai Kwong	11,597	
3	P089	Pahang	Bentong	44.61	43.88	9.12	2.4	Liow Tiong Lai	379	
4	P142	Johor	Labis	36.53	46.46	15.08	1.94	Chua Tee Yong	353	
5	P148		Ayer Hitam	57.91	37.96	3.96	0.17	Wee Ka Siong	7,310	
6	P158		Tebrau	47.42	38.19	13.26	1.14	Khoo Soo Seang	1,767	
7	P165		Tanjong Piai	52.11	46.50	1.07	0.32	Wee Jeck Seng	5,457	

Sumber: “GE 13 Results” (2013)

Gelombang perubahan yang terbentuk dalam PRU ke-12 di kalangan pengundi Cina terus meningkatkan momentumnya dalam PRU 2013. Kecenderungan ini menyebabkan DAP mencatat kemenangan besar di Semenanjung Malaysia. Dari 36 kerusi parlimen yang ditandingi, parti itu memperoleh kemenangan di 31 kawasan parlimen. DAP menggondol kesemua kawasan majoriti Cina (lebih 50% pengundi Cina) yang ditandinginya. Malah di beberapa kerusi parlimen, undi majoriti melebihi 40,000 undi. Jadual berikut menunjukkan prestasi cemerlang yang dicapai DAP di kawasan majoriti Cina:

Jadual 3. Keputusan Kerusi Parlimen Majoriti Cina dalam Pilihan Raya Umum 2013 di Semenanjung Malaysia

No	Kod	Negeri	Kawasan	Komposisi Pengundi					Menang	Majoriti
				Melayu	Cina	India	Lain-lain			
1	P043	P.Pinang	Bagan	15.48	69.53	14.68	0.32	DAP	34,159	
2	P045		B.Mertajam	18.91	71.16	9.64	0.30	DAP	43,063	
3	P046		Batu Kawan	20.59	55.70	23.32	0.38	DAP	25,962	
4	P048		B.Bendera	13.99	73.74	11.12	1.15	DAP	32,778	
5	P049		Tanjong	5.21	85.23	9.19	0.36	DAP	28,645	
6	P050		Jelutong	21.86	66.51	11.22	0.42	DAP	25,750	
7	P051		B.Gelugor	14.48	74.49	10.56	0.48	DAP	41,778	
8	P064	Perak	Ipoh Timor	14.17	79.32	5.48	1.03	DAP	34,000	
9	P065		Ipoh Barat	13.58	62.18	23.59	0.65	DAP	29,038	
10	P066		Batu Gajah	10.71	73.89	14.99	0.41	DAP	38,596	
11	P068		Beruas	32.72	52.25	14.88	0.15	DAP	5,057	
12	P070		Kampar	28.77	60.40	9.57	1.26	DAP	5,400	
13	P106	Selangor	PJ Utara	14.16	77.16	7.38	1.29	DAP	44,672	
14	P114	W.P	Kepong	4.52	88.43	6.38	0.67	DAP	40,307	
15	P117		Segambut	33.24	52.75	12.05	1.96	DAP	19,199	
16	P120		B.Bintang	14.38	73.13	10.77	1.72	DAP	19,399	
17	P122		Seputeh	5.32	87.98	5.84	0.86	DAP	51,552	
18	P123		Cheras	10.32	81.79	7.25	0.64	DAP	37,409	
19	P138	Melaka	Kota Melaka	35.73	59.09	3.65	1.54	DAP	20,746	
20	P145	Johor	Bakri	44.07	53.21	2.25	0.47	DAP	5,067	
21	P162		Gelang Patah	34.27	52.41	12.49	0.84	DAP	14,762	
22	P163		Kulai	33.12	56.13	10.27	0.48	DAP	13,450	

Sumber: “GE 13 Results” (2013)

Dalam PRU 2013, DAP mencatatkan beberapa kemajuan yang signifikan. Selain memperoleh sokongan para pengundi Cina yang tuntas, parti itu juga berjaya dalam meraih undi-undi orang Melayu. Kemenangan ramai calon DAP di kawasan parlimen campuran membuktikan trend baharu dalam perkembangan politik Malaysia. Parti itu telah masuk bertanding dalam 14 kerusi parlimen campuran di Semenanjung Malaysia. Calon-calonnya muncul sebagai pemenang di 9 kawasan parlimen. Prestasi yang bermakna ini sukar dicapai tanpa undi sokongan daripada orang Melayu. Umpamanya di kerusi parlimen Serdang, Selangor yang memiliki komposisi 39.57% pengundi Melayu, 48.63% pengundi Cina, dan 11.04% pengundi India, majoriti undi sebanyak 42,206 yang diperoleh Ong Kian Ming hanya boleh dicapai dengan sokongan undi-undi orang Melayu. Peningkatan dalam penerimaan kaum Melayu terhadap DAP berpunca dari gabungan parti itu dalam PR dan perjuangannya mula mendapat perhatian serta sokongan orang Melayu.

Keputusan PRU ke-13 juga menyaksikan kemunculan 2 orang ahli parlimen dan seorang ADUN baharu berketurunan Melayu yang mewakili parti itu. Zairil Khir Johari dan Mohd Ariff Sabri masing-masing telah mencatat kemenangan di kerusi parlimen Bukit Bendera dan Raub. Manakala Tengku Zulpuri Shah Raja Puji turut Berjaya merampas DUN Mentakab dari calon MCA. Selain itu, parti DAP yang sebelum ini hanya boleh menang di kawasan bandar mula bertapak di kawasan separuh bandar. Kecenderungan baru ini dapat dilihat apabila kubu kuat BN di Johor telah ditembusi DAP. Kemenangan calon parti itu di kerusi parlimen Kluang, Kulai di Johor, Raub di Pahang, dan Kampar di Perak menzhirkan perkembangan baharu ini. Jadual di bawah menjelaskan beberapa kemajuan baharu yang dicapai oleh DAP dalam PRU ke-13:

Jadual 4. Prestasi DAP dan MCA di Kerusi Parlimen Campuran dalam Pilihan Raya Umum 2013 di Semenanjung Malaysia

No	Kod	Negeri	Kawasan	Komposisi Pengundi				Parti Pemenang	Majoriti
				Melayu	Cina	India	Lain-lain		
1	P060	Perak	Taiping	37.13	47.92	13.52	1.42	DAP	11,745
2	P076		T.Intan	38.58	41.93	19.05	0.44	DAP	7,313
3	P078	Pahang	Cameron Highlands	34.15	32.29	12.48	21.08	BN (MIC)	462
4	P080		Raub	49.82	40.33	6.49	3.36	DAP	2814
5	P089		Bentong	44.61	43.88	9.12	2.4	BN(MCA)	379
6	P102	Selangor	Serdang	39.57	48.63	11.04	0.76	DAP	42,206
7	P103		Puchong	39.36	43.52	15.91	1.21	DAP	32,802

8	P110	Klang	32.94	45.78	19.82	1.46	DAP	24,685	
9	P128	N.S	Seremban	43.67	41.08	13.69	1.55	DAP	12,553
10	P130		Rasah	27.84	48.34	22.16	1.67	DAP	23,485
11	P135	Melaka	Alor Gajah	58.49	27.80	12.87	0.86	BN(MCA)	11,597
12	P142	Johor	Labis	36.53	46.46	15.08	1.94	BN(MCA)	353
13	P152		Kluang	39.57	49.26	9.79	1.39	DAP	7,359
14	P165		Tanjong Piai	52.11	46.50	1.07	0.32	BN(MCA)	5,457

Sumber: “GE 13 Results” (2013)

Angin perubahan yang bertiup dalam masyarakat Cina ini turut merentasi Laut China Selatan dan melanda di negeri Sarawak dan Sabah. Bandar-bandar besar di Sarawak seperti Kuching, Sibu, Miri, dan Sarikei yang banyak diduduki penduduk Cina telah jatuh ke parti pembangkang DAP dan PKR. Misalnya dua orang calon muda DAP telah mengalahkan pemimpin veteran SUPP (Sarawak United Peoples Party), iaitu Yong Koon Seng dan Tiong Thai King di kawasan parlimen Stampin dan Lanang. Manakala kubu kuat SUPP di kawasan parlimen Miri yang dipegang beberapa penggal oleh Chin Fah Kui telah ditewaskan oleh calon PKR. Sentimen ubah yang bertapak kukuh di kalangan pengundi Cina dalam pilihan raya negeri Sarawak tahun 2011 terus mengekalkan momentum dalam PRU ke-13. SUPP parti Cina komponen BN telah menjadi mangsa kepada angin perubahan ini. Parti itu yang bertanding di tujuh kawasan parlimen hanya mampu mengekalkan kemenangannya di Serian melalui calon bumiputeranya, iaitu Richard Riot.

Gelombang perubahan ini turut melanda kawasan bandar di Sabah. Kemenangan calon DAP di kawasan parlimen Kota Kinabalu dan Sandakan menunjukkan hakikat ini. Dengan kenderungan ini maka prestasi parti itu telah melonjak daripada 1 kerusi parlimen dan 1 kerusi DUN dalam PRU 2008 kepada 2 kerusi parlimen dan 4 kerusi DUN dalam PRU 2013. Parti PKR juga memperoleh manfaat dari landaan gelombang perubahan di Sabah ini dengan mencatatkan kemenangan di 1 kawasan parlimen dan 7 kawasan DUN berbanding dengan pencapaian sifar dalam PRU ke-12. Tinjauan terhadap keputusan PRU 2013 di Sabah dan Sarawak menunjukkan pakatan pembangkang mula menembusi kubu kuat BN di Malaysia Timur. Hal yang demikian menyerlahkan hakikat bahawa Sabah dan Sarawak yang selama ini berperanan sebagai *safe deposit* BN mulai mengalami penghakisan.

## 5 Analisis Pola Pengundian Cina

Pola pengundian orang Cina dalam PRU ke-13 menampilkan beberapa keunikan

yang perlu diberi perhatian serius dan tinjauan lanjut. Analisis terhadap keputusan di kebanyakan kerusi parlimen dan DUN majoriti Cina menunjukkan para pengundi Cina masih mengekalkan trend pengundian mereka yang memihak kepada pakatan pembangkang dalam PRU 2008. Malah gelombang tsunami 2.0 ini didapati lebih ganas dan membinas. Pucuk pimpinan BN mengharapkan kaum Cina yang dikatakan suka mengamalkan gelagat pengundian *pendulum swing* dalam PRU akan kembali menyokong BN dalam PRU 2013. Namun harapan itu ternyata tidak kesampaian. Kehadiran dan kebanjiran orang Cina ke beberapa perhimpunan, jamuan makan malam, dan konsert raksasa BN tidak diterjemah ke dalam undi sokongan pada hari pembuangan undi.

Angin perubahan sebenarnya telah bertiup kencang dalam masyarakat Cina sebelum parlimen dibubarkan pada 3 April 2013. Malangnya para pemimpin parti-parti Cina komponen BN, terutamanya pucuk pimpinan MCA masih berkeyakinan terhadap undi sokongan orang Cina. Perkara yang lebih buruk lagi ialah mereka memberi gambaran yang terpesong tentang kecenderungan pola pengundian orang Cina kepada pucuk pimpinan UMNO. Dengan perkembangan yang demikian maka jentera PRU BN tidak dapat merespons dengan berkesan kepada sentimen “ubah” yang semakin membentuk di kalangan pengundi Cina. Oleh itu harapan pucuk pimpinan BN untuk meraih undi sokongan orang Cina ternyata tidak realistik. Hal ini sudah tentu membawa kekecewaan yang besar apabila keputusan PRU diumumkan pada 6 Mei. Kecenderungan ini mungkin menjadi rangsangan kepada Najib Tun Razak untuk mengajukan ungkapan *Chinese tsunami* sebagai reaksi kepada keputusan PRU ke-13.<sup>9</sup>

Gelombang perubahan yang melanda dalam masyarakat Cina dan juga komuniti bandar telah menyumbang kepada peningkatan dalam prestasi PR, terutamanya parti DAP. Sentimen “ubah” yang disuntik dan digerakkan oleh pakatan pembangkang<sup>10</sup> mendapat sambutan yang hangat daripada orang Cina. Analisis secara terperinci terhadap keputusan PRU 2013 menunjukkan bahawa gelombang “ubah” telah melanda komuniti orang Cina di setiap pelosok negara. Di Semenanjung Malaysia, angin perubahan ini bertiup dari utara ke selatan dan dari pantai barat ke pantai timur. Umpamanya kubu kuat MCA di negeri Johor telah ditembusi DAP dan hampir ranap dengan hanya mampu mengekalkan 2 kerusi DUN berbanding dengan 12 kerusi dalam PRU 2008. Manakala kerusi tunggal MCA di Terengganu, iaitu DUN Bandar telah tewas di tangan calon PKR.

<sup>9</sup> Ungkapan *Chinese Tsunami* telah disiarkan di muka depan kebanyakan akhbar Malaysia pada hari 6 Mei 2013 dan ramai pemimpin UMNO telah menyalahkan pengundi-pengundi Cina lantaran mereka dikatakan tidak membalsas jasa baik BN. Isu ini telah menjadi satu perdebatan di kalangan ahli-ahli politik dan juga pengkaji politik.

<sup>10</sup> Slogan “ubah” mula dirintis oleh pucuk pimpinan DAP dalam pilihan raya kecil (PRK) di kawasan parlimen Sibu yang berlangsung pada 16 Mei 2010. Sejak kemenangan PRK yang ke-11 itu, DAP berjaya menjana dan menyuntik sentimen “ubah” di kalangan orang Cina dan juga para pengundi bandar. Malah parti itu turut menggunakan burung kenyalang sebagai maskot untuk mewakili sentimen “ubah” dan dapat mencatat jualan maskot itu yang sungguh laris sepanjang kempen PRU ke-13. Slogan “ubah” telah berkumandang dalam PRK-PRK lain dan juga PRU ke-13.

Satu lagi trend dalam pola pengundian orang Cina yang begitu menonjol dalam PRU ke-13 ialah mereka didapati mengundi ikut pakatan atau barisan politik. PR ternyata menjadi pilihan mereka dan mereka membuang undi tanpa mengira bangsa calon. Para pengundi Cina hanya menyokong calon-calon dari pakatan pembangkang tanpa mempertimbangkan sama ada calon itu calon paracut (calon dari luar) atau calon tempatan dan calon liberal atau calon ulama. Kecenderungan ini dapat dilihat dalam keputusan di kawasan parlimen Temerloh yang ditandingi Saifuddin Abdullah (calon UMNO) dan Nasrudin Hassan (calon PAS). Dalam pertarungan sengit ini, Saifuddin yang merupakan seorang pemimpin UMNO yang liberal dan disenangi rakyat pelbagai kaum telah kecundang di tangan ketua pemuda PAS yang merupakan seorang ulama fundamentalis. Malah Nasrudin merupakan seorang pemimpin PAS yang kontroversi di kaca mata masyarakat Cina lantaran beliau pernah mencanangkan pengharaman kepada sambutan *Valentine Day* di Malaysia. Tambahan pula, beliau merupakan seorang calon paracut manakala Saifuddin ialah penyandang kerusi parlimen Temerloh dalam PRU 2008. Analisis terhadap pusat-pusat mengundi menunjukkan pengundi Cina yang berjumlah 24.22% dari keseluruhan pengundi di kerusi ini telah menyokong calon PAS yang tidak dikenali mereka.

Trend pengundian yang demikian didapati menular di seluruh negara dan ini menyebabkan ramai calon MCA dan UMNO menempah kekalahan tanpa diduga. Umpamanya di kerusi parlimen Bukit Katil yang ditandingi mantan ketua menteri Melaka, iaitu Mohd Ali Rustam yang memiliki populariti yang tinggi di negeri itu telah mengalami kekalahan mengejut. Calon PR yang mengalahkannya ialah Shamsul Iskandar, pemimpin muda parti PKR yang menang dengan majoriti 5447 undi. Salah satu punca penting yang menyumbang kepada kekalahan Ali Rustam ialah komposisi pengundi Cina yang tinggi, iaitu mencatat sebanyak 40.33% dari keseluruhan pengundi di Bukit Katil. Kehilangan undi sokongan orang Cina terhadapnya agak ketara kerana dalam PRU 2008 calon UMNO telah menang kerusi ini dengan majoriti 1758 undi. Natijahnya kekecewaan Ali Rustam menyebabkannya menudung jari kepada para pengundi Cina yang dituduhnya sebagai tidak mengenang jasa budi beliau semasa menerajui negeri Melaka (“Orang Cina”, 2013).

Manakala kerusi parlimen Raub di Pahang pula menyaksikan calon MCA, iaitu Hoh Khai Mun yang dikenali oleh masyarakat Cina di negeri Pahang lantaran beliau ialah Timbalan Pengerusi Perhubungan MCA Pahang telah kecundang akibat dari trend pengundian tanpa mengira kaum atau dikenali sebagai *colour-blind* di kalangan pengundi Cina. Pemimpin itu ditewaskan oleh oleh Mohd Ariff Sabri yang merupakan seorang calon paracut Melayu yang mewakili parti DAP.<sup>11</sup> Kekalahan calon MCA di tangan calon Melayu di kerusi parlimen yang memiliki komposisi pengundi Cina pada kadar 40.33% ini jelas menunjukkan masyarakat Cina mengamalkan pola pengundian yang demikian dan pertimbangan utama mereka ialah hanya mengundi calon pakatan pembangkang.

---

<sup>11</sup> Mohd Ariff Sabri merupakan bekas pemimpin UMNO di negeri Pahang yang pernah memenangi DUN Pulau Manis dalam PRU tahun 2004. Beliau ialah antara beberapa orang pemimpin Melayu yang menganggotai parti DAP selepas tsunami politik 2008.

Pola pengundian orang Cina yang hanya memilih calon PR dapat dilihat dengan jelas melalui slogan “ABCD” (Asalkan Bukan Cop Dacing). Slogan ini dikatakan bermula di negeri Johor dan dipopularkan di banyak negeri yang lain. Pola pengundian ini bukan sahaja memanfaatkan parti DAP, malah PAS dan PKR turut memperoleh faedahnya (Case, 2013b). Contohnya, prestasi PR yang lebih cemerlang di negeri Selangor dan Johor memanifestasikan kecenderungan ini. Prestasi PAS di negeri Selangor telah melonjak dari 8 kerusi DUN dalam PRU 2008 kepada 15 kerusi DUN dalam PRU ke-13. Di negeri Johor pula, PAS mencatat kemenangan di 4 kerusi DUN berbanding dengan 2 kerusi DUN dalam PRU 2008.

## 6 Kesimpulan

PRU 2013 memperlihatkan pertarungan sengit antara BN dan PR telah mencatatkan beberapa perubahan yang bakal memberi impak kepada perkembangan politik Malaysia. *Urban swing* yang mula membentuk dalam tsunami politik 2008 sekali lagi mengekalkan momentumnya dalam PRU ke-13. Malah kesannya didapati merebak ke beberapa negeri yang menjadi kubu kuat BN. Perkembangan ini dapat dikesani di negeri Johor, Sabah, dan Sarawak. Keputusan PRU 2013 menunjukkan terdapat satu jurang yang ketara antara pengundi-pengundi bandar dan luar bandar. Para pengundi bandar yang banyak terdedah kepada kemudahan internet dan sebahagiannya terdiri daripada golongan kelas menengah didapati lebih memihak kepada pakatan pembangkang. Manakala pengundi-pengundi luar bandar merupakan penyokong BN yang boleh diharapkan.

Kecenderungan *Urban swing* dalam PRU 2013 sebenarnya telah diperkasakan oleh angin perubahan yang terbentuk dalam masyarakat Cina sejak tsunami politik 2008. Sentimen “ubah” yang dijana oleh jentera kempen PR, terutamanya parti DAP berjaya mempengaruhi secara hampir tuntas pola pengundian orang Cina yang memihak kepada pakatan pembangkang. Para pengundi Cina didapati nekad dalam memberi undi mereka kepada PR agar pakatan itu berpeluang untuk menerajui kerajaan pusat selepas PRU pada 5 Mei 2013. Kecenderungan ini dapat disaksikan melalui penyertaan dan mobilisasi orang Cina yang begitu tinggi dalam PRU 2013.

Mungkin ramai rakyat bukan Cina tertanya-tanya sebab masyarakat Cina menolak secara menyeluruh calon-calon BN. Pada tanggapan mereka PR merupakan satu pilihan yang unggul untuk menggantikan BN. Model BN yang telah sekian lama menerajui Malaysia sebenarnya gagal menyelesaikan banyak masalah yang menimpa negara. Keadaan ekonomi Malaysia yang semakin tidak berdaya saing di peringkat antarabangsa, peningkatan dalam kadar inflasi, jenayah, rasuah, kronisme, penyalahgunaan kuasa, dan politik perkauman merupakan masalah yang memberi dampak negatif kepada orang Cina. Manakala ketidakimbangan kuasa dalam BN yang menyebabkan parti MCA, Gerakan, dan SUPP mengalami politik pemunggiran dan tidak mampu menyelesaikan beberapa masalah penting kaum Cina, terutamanya pendidikan Cina telah menyumbang kepada penolakan mereka terhadap BN.

Pola pengundian para pengundi Cina yang memihak kepada PR dalam PRU ke-13 membawa impak yang mendalam terhadap parti-parti Cina komponen BN. Kesemua parti politik Cina ini telah menjadi semakin tidak relevan dalam landaan tsunami politik 2.0. Keadaan ini diburukkan lagi dengan keengganan MCA dan Gerakan untuk menyertai kabinet selepas PRU 2013. Hal ini mengakibatkan pengaruh mereka dalam masyarakat Cina menjadi semakin menguncup dan sukar untuk parti-parti mereka membangun semula. Walau bagaimanapun, mereka telah menyertai semula kabinet selepas Najib mempelawa mereka untuk menyertai semula kabinet pada 3 Mei 2014 (“Najib pelawa MCA”, 2014). Manakala parti DAP dan PKR yang mendapat sokongan orang Cina dan penyertaan golongan pemimpin pelapis keturunan Cina terus berkembang mantap. Harapan masyarakat Cina untuk merealisasikan satu sistem politik demokrasi yang lebih sempurna dengan berasaskan sistem dua barisan adalah masih relevan.

## Bibliografi

- Ali, M. & Rahman, Z. A. (2013). Penolakan Pengundi Cina ke atas BN dalam Pilihan Raya Umum ke-13 dan Kesannya terhadap Landskap Politik Malaysia. *Demokrasi Dan Pilihan Raya*, 2(1), 49-72.
- Apa lagi Cina mahu. (2013, Mei 7). *Utusan Malaysia*.
- BN memberi dana RM15 Juta untuk Sekolah Cina. (2010, Mei 13). *Sin Chew Daily*.
- BN tidak ada harapan di Kelantan dan Pulau Pinang. (2012, Mac 3). *China Press*.
- Case, W. (2013a). Malaysia's 2008 General Election: Transition from Single-party Dominance? *Malaysia Journal of Democracy and Election Studies*, 1(1), 42-75.
- Case, W. (2013b). Post-GE13: Any Closer to Ethnic Harmony and Democratic Change? *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, 102(6), 511-519.
- Chin, J. (2010). Malaysia: The Rise of Najib and 1Malaysia. *Southeast Asian Affairs*, 165-179.
- Chin, J. (2013). So Close and Yet So Far: Strategies in the 13<sup>th</sup> Malaysian Elections. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, 102(2), 533-540.
- Das, K & Suaram (Eds.). (1989). *The White Paper on the October Affair and the Why? Papers*. Petaling Jaya: Suaram Komunikasi.
- Fernando, J. M. (2011). Urban Swing dalam Pilihan Raya Umum ke-12: Kajian Kes Negeri Selangor. In J. M. Fernando (Ed.), *Pilihan Raya Umum ke-12: Isu dan Pola Pengundian* (pp. 141-161). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- GE 13 Results. (2013, Mei 7). *New Straits Times*.
- Kawal isu-isu perkauman. (2010, Mei 21). *Oriental Daily News*.
- Lee, K. H. & Thock, K. P. (2014). Thirteenth General Elections (GE13): Chinese Votes and Implications on Malaysian Politics. *Kajian Malaysia*, 32(2), 25-53.
- Lemiere, S. (2014). Gangsta and Politics in Malaysia. In S. Lemiere (Ed.), *Misplaced Democracy: Malaysian Politics and People* (pp. 91-108). Petaling Jaya: SIRD.
- Loone, S. (2013, November 16). UMNO-linked gangs preserve authoritarian state. *Malaysiakini*. Retrieved November 18, 2013, from <http://www.malaysiakini.com/news/246749>.
- Najib pelawa MCA sertai semula kabinet. (2014, Mei 3). *Bernama*.
- Ong, K. M. (2011). Malaysia in 2010: Resurgent Najib and BN, Stumbling Anwar and PR. *Southeast Asian Affairs*, 131-157.
- Orang Cina tidak mengenang budi. (2013, Mei 7). *Oriental Daily News*.

- Parti UMNO tidak mendapat sokongan Cina. (2010, April 3). *Oriental Daily News*.
- Perdana Menteri memuji kehadiran orang Cina. (2013, April 22). *Sin Chew Daily*.
- Saya tidak akan minta maaf. (2008, September 5). *Utusan Malaysia*.
- Teng Chang Yeow membidas Goh Chun Lye. (2013, Mei 5). *Oriental Daily News*.
- Tew, P. K. (2011). Prestasi MCA, Gerakan, dan DAP dalam Pilihan Raya Umum ke-12. In Joseph Fernando M (Ed.), *Pilihan Raya Umum ke-12: Isu dan Pola Pengundian* (pp. 219-245). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Thock, K. P. (2010a). Hala Tuju Politik Cina Pascatsunami PRU 2008: Ke Arah Pengukuhan Sistem Sistem Dua Barisan. *Pemikir*, Julai- September 61, 53-75.
- Thock, K. P. (2010b). Menangani Kehilangan Undi Cina Selepas Tsunami Politik 2008: Hanya ‘Penumpang’ BN? *Pemikir*, Oktober–Disember 62, 17-39.
- Thock, K. P. (2012a). Aktivisme Mahasiswa Cina Era Reformasi dan Pasca Reformasi di Malaysia: Kajian Impak Politik dalam Pilihan Raya Umum ke-12. *Akademika*, 82(1), 91-102.
- Thock, K. P. (2012b). Menangani Kehilangan Undi Sokongan Cina: A Chinese Dilemma. *Pemikir*, Januari-Mac 67, 17-46.
- Thock, K. P & Tan, Y. Y. (2012). Sentimen Pengundi Kaum Cina Menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13. *Demokrasi Dan Pilihan Raya*, 1(1), 121-138.
- Hassan, 2. (Zaini Hassan.) (2010, April 28). Orang Cina Malaysia, Apa lagi yang anda mahu! *Utusan Malaysia*.